

15 JAN 2000

Yusof-Laporan

LAPORAN POST MORTEM JADI PANDUAN JENTERA PENERANGAN UMNO

BESUT, 15 Jan (Bernama) -- Laporan kajian keputusan pilihan raya umum lepas yang dibuat oleh pelbagai pihak dari luar parti menjadi panduan kepada Umno dalam membuat perancangan terperinci untuk memberi penerangan di seluruh negara.

Ketua Penerangan Umno Datuk Dr Yusof Nor berkata, berdasarkan laporan post mortem itu Umno akan menjalankan aktiviti penerangan bagi mengembalikan pengaruhnya terutama di dua negeri yang kini dikuasai PAS iaitu Terengganu dan Kelantan.

Beliau berkata laporan post mortem yang dilakukan oleh pelbagai pihak termasuk Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), golongan profesional dan individu itu telah diserahkan kepada presiden parti, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Laporan itu membolehkan Umno mengenal pasti masalah-masalah yang berlaku di semua kawasan di seluruh negara termasuk kekalahan Terengganu dan Kelantan di tangan PAS," katanya kepada pemberita pada majlis Hari Raya di kediamannya di sini, hari ini.

Beliau berkata, post mortem yang dilakukan itu banyak membantu dalam mencari sebab-sebab yang membawa kepada kekalahan calon-calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum lepas.

"Post mortem yang dibuat oleh golongan dari luar parti itu banyak membantu... oleh itu kalau ada kelewatan negeri (serah hasil post mortem) tidak bermakna kepimpinan pusat tidak tahu keadaan sebenar," katanya.

Yusof berkata, antara hasil kajian itu mendapati apa yang berlaku pada pilihan raya lepas ialah hasil gerakan khas kumpulan-kumpulan asing Tertentu untuk menjatuhkan Barisan Nasional (BN) terutamanya Dr Mahathir.

"Target pihak-pihak asing yang berkepentingan ialah menggugurkan kepimpinan BN untuk memberi peluang kepada mereka mengaut keuntungan...PAS hanya menjadi 'perantara' untuk mereka meranapkan kuasa, bukan kerana mereka terima PAS sebagai parti yang boleh memerintah," katanya.

Beliau berkata perkara-perkara itu akan diterangkan oleh jentera Umno secara menyeluruh dan setiap penerangan akan dibuat secara cermat termasuk memastikan mereka yang memberi penerangan itu dilengkapi dengan maklumat yang tepat mengenai kedudukan sesuatu perkara dan mengetahui keadaan di negeri berkenaan.

Yusof berkata, jentera penerangan parti ialah jentera yang merangka strategi tetapi yang memberi penerangan ialah anggota-anggota parti yang ada dalam pelbagai jawatankuasa.

"Penerangan ialah satu tugas yang dikongsi bersama dan pengaruh yang perlu dikembangkan kini ialah pengaruh parti dengan mengambil kira matlamat perjuangan Umno," katanya.

Beliau berkata, hasil kajian yang dibuat itu juga mendapati generasi baru belum mendapat gambaran yang jelas mengenai matlamat perjuangan Umno dan oleh itu merupakan golongan yang penting untuk diberi penerangan bagi memastikan kesinambungan Umno.

"Peluang untuk mencapai kemantapan Umno masih terbuka luas memandangkan Umno masih menjadi faktor terpenting dalam membela maruah bangsa dan agama,"

-- BERNAMA

SN PR